

MAHATHIR - BMF

1984

KUALA LUMPUR, 15 SEPT. (BERNAMA)--KERAJAAN AKAN MENGUMUMKAN LAPORAN MENGENAI SKANDAL BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) SETELAH MENGAJINYA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINI HARI INI.

+SAYA TIDAK AKAN MELINDUNGI SESIAPA,+KATANYA KEPADA PARA PEMBERITASELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PARAPEMIMPINUMNO DARIPADA 114 BAHAGIAN DIAUDITORIUM RISDA DI SINI.

KATANYA, LAPORAN TERSEBUT, YANG DIBUATOLEH SEBUAH JAWATANKUASA KHAS YANG DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA, TAN SRI AHMAD NORDIN, TELAH PUN DISERAHKAN KEPADA BANK NEGARA.

TEGASNYA, TIDAK ADA APA YANG HENDAK DIRAHSIAKAN OLEH KERAJAAN MENGENAI LAPORAN ITU.

DITANYA SAMA ADA LAPORAN ITU AKAN DIBAHASKAN DI PARLIMEN, BELIAU BERKATA SAMA ADA DISUKAIATAUTIDAK, AKAN ADA ORANG-ORANG YANG MEMBANGKITKANNYA DAN TIDAK ADA CARA BAGI KERAJAAN MENYEKAT PEREAHASAN MENGENAINYA.

MENGENAI PENGUSAHAAN PETRONAS KE ATAS BANK BUMIPUTRA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH ITU TIDAK HEHERLUKAN PETRONAS MENGELUARKAN LEBIH BANYAK MINYAK DAN GAS KERANA PERBADANAN ITU MEMANG MEMPUNYAICUKUP WANG.

KATANYA, PETRONAS SAHAJA YANG BERKEUPAYAAN UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN ITU.

BELIAU BERPENDAPAT DENGAN PENGURUSAN YANG CEKAP BANK BUMIPUTRA AKAN AKHIRNYA PULIH DARIPADA MASALAHNYA.

MENGENAI PENSWASTAAN, BELIAU BERKATA PETRONAS SENDIRI TIDAK AKAN DISWASTAKAN TETAPI SEBAHAGIAN DARIPADA KEGIATAN HILIRANNYA AKAN DISWASTAKAN.

PETRONAS MUNGKIN AKAN MENGURANGKAN PERANANNYA KEPADA SEBAGAI PEMBEKAL BAHAN MENTAH SEPERTI GAS DAN MENYERAH YANG LAINNYA KEPADA SEKTOR SWASTA. --BERNAMA